

Lelaki ditahan kes rogol anak bawah umur



BH 12/3/14
MS 19.

» Perbuatan sumbang mahram mula berlaku ketika usia mangsa 4 tahun

Oleh Shaarani Ismail
shaarani@bh.com.my

Ipoh

Polis menahan seorang lelaki berusia 40-an kerana dipercayai merogol anak kandungnya antara 2004 hingga 2007 ketika anaknya berusia di antara empat dan tujuh tahun di kediaman mereka di sini.

Tangkapan itu dibuat selepas polis menerima laporan daripada

mangsa, kini berusia 14 tahun yang mengadu dirogol bapa kandungnya yang disyaki penagih dadah.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Sum Chang Keong, berkata keluarga mangsa kemudian berpindah ke kediaman baharu di Jalan Thambusamy di sini dan ketika di kediaman itu juga bapanya dikatakan sering mengajaknya melakukan hubungan seks tanpa persetujuan mangsa.

Ajak tonton video lucu

Katanya, mangsa turut mendakwa suspek mengajaknya menonton video lucu selain menunjukkan klip video lucu menerusi telefon bimbit.

“Kejadian terbaharu berlaku jam 9 malam, 9 Mac lalu ketika mangsa berada di dalam bilik bersama ibunya. Ketika itu bapa

“
Ketika itu bapa mangsa tiba-tiba masuk bilik dan memeluk mangsa menyebabkan mangsa terus menjerit”

Sum Chang Keong,
Ketua Polis Daerah Ipoh

mangsa tiba-tiba masuk bilik dan memeluk mangsa menyebabkan mangsa terus menjerit,” katanya, semalam.

Beliau berkata, suspek akan direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 376(B) Kanun Keseksaan kerana merogol.